

# Usul Putrajaya kawasan Parlimen dilulus

UM 10 APR 2002

**K**UALA LUMPUR 9 April – Sidang Dewan Rakyat hari ini sebulat suara meluluskan usul Draf Perintah Perlembagaan dan Laporan Kajian Semula **Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya** Parlimen Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Proses pengundian yang diilankan menerusi belah bahagian itu menyaksikan kesemua 134 ahli Parlimen termasuk dari parti pembangkang yang menghadiri mesyuarat lewat petang ini menyokong usul tersebut.

Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail ketika mengumumkan keputusan pengundian memberitahu, tiada anggota Parlimen yang tidak mengundi dan kesemuanya menunjukkan sokongan.

“Jangan terkejut dengan keputusan ini, yang bersetuju 134 orang, tak bersetuju tiada,” katanya sambil tersenyum disambut sorak di kalangan anggota Parlimen **terutama**nya penyokong kerajaan.

Ini kerana pada sesi perbahasan rata-rata pembangkang yang mengambil bahagian seolah-olah menentang usul yang dibentangkan oleh Mente-

ri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim itu.

Seramai 10 anggota mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul berkenaan manakala 11 lagi membuat celahan.

Rais ketika **membentangkan** usul tersebut berkata, jumlah pemilih bagi kawasan Parlimen Putrajaya akan meningkat kepada lebih 30,000 orang pada 2003 apabila semua perumahan dan kediaman komersial didiami oleh penduduknya.

[Sekitar laporan Parlimen di muka 11]

“Daftar pemilih yang disahkan pada bulan Disember 2001 menunjukkan setakat ini iumlah pemilih bagi Wilayah Persekutuan hanya 28 orang,” katanya.

Katanya, Bahagian Parlimen Putrajaya akan dibahagikan kepada lima daerah mengundi.

Pada sesi penggulingan, Rais yakin Putrajaya bukan sahaja akan menjadi pusat pentadbiran negara, malah bakal menzahirkan pelbagai jenis dan corak pelakuan manusia, selain menjadi mercu yang baik untuk negara.

Beliau bersetuju dengan pandangan **Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit**

**Sulong)** bahawa parti pembangkang akan turut berpusu-pusu untuk merebut Putrajaya.

Katanya, “hasrat Pas itu memberi tempeleng yang keras kepada parti itu kerana mereka pernah berhasrat untuk melelong pusat pentadbiran kerajaan yang baru itu.”

Rais tidak menolak dakwaan pembangkang bahawa Putrajaya akan dimonopoli oleh Barisan Nasional dan UMNO kerana ia adalah ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan adalah wajar BN dan UMNO menguasai kawasan tersebut.

Beliau turut menjemput semua ahli Parlimen supaya melawat Putrajaya untuk menyaksikan sendiri keindahan dan keunikan reka bentuk bangunannya termasuk Masjid Putra dan kompleks kerajaan yang mempunyai struktur bangunan yang tersusun.

Sementara itu, Mohamed Zahir dalam ucapan sebelum menanggukkan sidang berterima kasih kepada semua Ahli Parlimen kerana memberi kerjasama sepanjang persidangan.